

## Dialog Antara Agama Menurut Perspektif Islam

Ahmad Faizuddin bin Ramli<sup>1\*</sup>, Jaffary Awang<sup>1,2</sup>

<sup>1</sup>Centre for Islamic Thought & Understanding (CITU), INTEC Education College.

<sup>2</sup>Jabatan Usuluddin dan Falsafah, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia

\*Corresponding author: faizuddin.ramli@intec.edu.my

### Article history

Received: 2015-11-18

Received in revised form: 2015-12-30

Accepted: 2016-01-03

### Abstract

The existence of a pluralistic society, particularly in terms of race, religion and culture requires a platform in the community. In this case, interreligious dialogue is seen as an effective platform to build mutual understanding and tolerance among society. However, the practice of dialogue in society ironically based on a wrong understanding of interreligious dialogue, which is part of the religious pluralism method from West, and some regard it as a debate. Consequently, the phenomenon raises negative perceptions and understanding among the public about the true concept of interfaith dialogue. Therefore, this article discusses the concept of interreligious dialogue in the Islamic arena. The research design is qualitative using library research. The results show that Islam outlines three concepts of interreligious dialogue, the debate; da'wah and building mutual understanding and good relations between religions. Here in particular the importance of interfaith dialogue among the players to understand the concept of interreligious dialogue to ensure the implementation of the dialogue takes place within the actual concept.

*Keywords:* Interfaith dialogue, missionary, religious tolerance, religious pluralism.

### Abstrak

Kewujudan masyarakat pluralistik khususnya dari aspek agama, bangsa dan budaya memerlukan suatu wadah di kalangan masyarakat. Dalam hal ini, dialog antara agama dilihat sebagai wadah yang efektif bagi membina persefahaman dan sikap toleransi dalam kalangan masyarakat. Namun begitu, pengamalan dialog dalam kalangan masyarakat ironinya berasaskan kepada kefahaman yang salah terhadap dialog antara agama, antaranya adalah mengaitkannya dengan metode pluralisme agama yang dicanang pihak Barat, dan ada juga menganggap ia sebagai suatu bentuk perdebatan. Hal ini mengundang persepsi negatif dan kekeliruan kefahaman dalam kalangan masyarakat mengenai maksud sebenar dialog antara agama. Justeru, artikel ini membincangkan konsep dialog antara agama menurut perspektif Islam. Reka bentuk kajian adalah bersifat kualitatif dengan menggunakan kajian kepustakaan. Dapatan menunjukkan Islam menggariskan tiga konsep dialog antara agama, iaitu perdebatan; dakwah dan pembinaan persefahaman dan hubungan yang baik antara penganut agama. Di sini peri pentingnya pelbagai pihak khususnya dalam kalangan pengamal dialog antara agama untuk memahami konsep dialog antara agama bagi memastikan pelaksanaan dialog berlangsung menurut disiplinnya yang sebenar.

*Kata kunci:* Dialog antara agama, dakwah, dakwah, toleransi beragama, pluralisme agama.

## 1.0 PENDAHULUAN

Tuhan menjadikan fitrah manusia dalam suasana pluralistik, sama ada dari aspek ras, tradisi dan agama. Sebagai menghargai anugerah kepelbagaian daripada Tuhan ini, manusia sewajarnya menyambut dengan baik melalui sifat saling bantu membantu dalam membina sebuah masyarakat madani yang harmoni. Umumnya dalam pembinaan sebuah masyarakat madani, elemen agama tidak dapat dipisahkan, bahkan ia sering menjadi asas kekuatan. Justeru, kewujudan elemen agama ini wajar disambut dengan interaksi atau lebih tepat lagi melalui dialog antara agama. Ini kerana, sejarah tamadun masyarakat dunia merakamkan bahawa amalan dialog antara agama merupakan pendekatan yang efektif dalam membina hubungan yang baik serta keharmonian dalam kalangan masyarakat pluralistik. Dalam Bahasa Melayu, frasa dialog merujuk kepada tiga maksud: Pertama, kata-kata yang dituturkan oleh watak-watak dalam drama atau fiksiyen; Kedua, genre sastera dalam bentuk perbualan; Ketiga, perbincangan atau perundingan antara dua pihak yang bertelingkah (Kamus Dewan 2005: 348). Azizan Baharuddin (2008: 5), mendefinisikan dialog sebagai sebuah komunikasi dua hala antara individu (pihak) yang mempunyai pegangan atau pandangan yang berbeza mengenai sesuatu subjek atau perkara yang tertentu, dengan tujuan ingin mencapai kebenaran yang bertambah lagi. Dalam bahasa Inggeris, frasa *dialogue* adalah berasal dari etimologi Greek, iaitu *dialoge*, *dialogos*, *dialegethai*, atau kombinasi perkataan *dia* (melalui); dengan perkataan *legein* atau *logos* (percakapan) (Encyclopedia of Religion 1987: 345; Muhamad Shafiq & Mohammed Abu-Nimer 2011: 1) yang membawa maksud perbincangan, perbualan berbentuk formal antara kumpulan atau negara bagi menyelesaikan permasalahan atau salah faham yang berlaku (Macmillan English Dictionary 2002: 381; Oxford Advanced Learner's Dictionary 2006: 403; Collin Cobuild Advanced Dictionary 2009: 424).

Konotasi ini bagaimanapun sedikit berbeza jika melihat kepada asal perkataan *dialogue* dalam Greek, iaitu 'διαλεγομαι' bermaksud perbuatan yang melaluinya idea dapat dihasilkan (Youroukov 2001: 59). Hal ini menunjukkan bahawa proposisi istilah dialog pada asasnya mengandungi maksud suatu perbuatan yang dapat mencapai suatu idea, namun perkataan 'perbuatan' tersebut didefinisikan sebagai percakapan dan perbualan. Sungguhpun demikian, pengertian ini tidaklah tersasar dari maksud dialog seperti mana yang dibincangkan sebelum ini, kerana sesuatu idea dan pandangan itu adalah terbina daripada perbualan dan perbincangan. Hal ini selari dengan kenyataan Khadijah Mohd Hambali (2007: 319) bahawa dialog membawa maksud sesuatu pandangan, idea yang dibincangkan untuk mencapai sesuatu kesimpulan atau matlamat yang bermanfaat kepada pihak yang berdialog. Justeru, pandangan yang menyatakan wujudnya kontradiksi antara perkataan *di-logue* dengan *dialogue* kurang tepat jika melihat kepada frasa asalnya. Sementara itu Swidler (1984:30) memberi takrif dialog sebagai perbualan mengenai subjek yang sama antara dua pihak atau lebih yang berbeza pandangan, dengan tujuan supaya setiap pihak yang berdialog dapat mempelajari antara satu sama lain seterusnya dapat membangun dan berubah.

Manakala dialog dalam bahasa Arab, iaitu *al-ḥiwār* adalah berasal dari perkataan ح و ر, merujuk kepada perbuatan mengembalikan sesuatu kepada sesuatu. Kata terbitannya, *al-muḥāwarah* pula bermaksud mengembalikan percakapan atau perkataan antara orang yang saling bercakap (Ibn Manzur t.th: 298; Ahmad Zamri 1994: 19-20; Abdullah Mujan 2006: 17). Perkataan *ḥāwara* (dialog) bagaimanapun didefinisikan dengan lebih meluas oleh Rohi Ba'albaki (1995: 449) dengan merujuk kepada perkataan *ḥādatha* (perbualan), *bāḥatha* (perundingan), dan *nāqasya* (perbincangan) yang kesemuanya merujuk kepada makna; *to dialogue with, hold a conversation with, talk with, speak with, converse with, discourse with, confer with, hold talks with, to discuss with, to debate with, argue with, reason with*.

Walaupun perkataan dialog dalam bahasa Arab mengandungi maksud yang lebih meluas dalam takrifan Rohi Ba'albaki, ia masih tertakluk kepada kandungan ayat yang digunakan. Dengan erti kata lain, perkataan dialog secara umumnya kurang tepat untuk dibariskan dengan pengertian yang lain seperti perdebatan, perbalahan, dan pertengkaran, kerana dialog lebih bersifat positif. Hal ini kerana, dalam proses dialog, pihak yang pertama akan mendengar terlebih dahulu pandangan pihak kedua supaya pihak pertama dapat memahami terlebih dahulu di mana kedudukannya dalam

skop perbincangan. Dengan erti kata lain, dialog yang sebenar tidak seharusnya wujud sikap mencelah pandangan pihak lain. Berbanding dengan perdebatan atau perbalahan, proses yang berlangsung lebih menjurus kepada pematahan pandangan atau hujah pihak lain. Justeru, dialog tidak akan berlaku jika wujudnya pihak yang menganggap dirinya sudah pun mempunyai penyelesaian atau kebenaran mutlak mengenai perkara yang ingin didialogkan dan apa yang dia inginkan daripada rakan dialognya hanyalah penerimaan semata-mata (Azizan Baharuddin 2008: 4).

Manakala perkataan dialog antara agama adalah kombinasi daripada perkataan ‘dialog’ dengan perkataan ‘agama’, di mana dialog adalah merujuk kepada perbualan, manakala ‘antara agama’ adalah membawa maksud antara penganut agama. Ini bermakna, perkataan dialog antara agama adalah merujuk kepada dialog yang berlaku antara penganut agama (Ayyoub 2007: 9; Ryan C. Urbano 2012: 149; Swidler 2014: 186) walaupun tidak semestinya seseorang itu mewakili agama yang dianutinya. Bertepatan dengan perbincangan ini, maka dialog antara agama yang merupakan kombinasi daripada perkataan ‘dialog’ dengan ‘antara agama’ dapat difahami sebagai perbualan antara pelbagai penganut agama dan bersifat saling balas membalas antara satu sama lain, dengan maksud perbualan tersebut berselang-seli antara satu sama lain. Walaupun ada kalanya perkataan dialog digunakan dalam konteks yang berbeza, secara terminologinya adalah berkait dengan proses pertukaran idea di mana pihak yang terlibat membuat penilaian berhubung dengan pandangan yang dikemukakan.

Lazimnya dalam dialog adalah berkisar tentang subjek perbincangan iaitu sesebuah pihak yang mengutarakan pandangannya berkenaan sesuatu perkara, sama ada ia menyentuh mengenai aspek teologi: umpamanya doktrin ketuhanan; ritual: umpamanya amalan spesifik agama; atau suatu yang bersifat sejagat: umpamanya isu kemanusiaan. Perbincangan ini seterusnya membawa kepada pembinaan persefahaman dalam kalangan yang terlibat, seterusnya dapat menghilangkan rasa prejudis dan salah faham terdahulu. Walau demikian, ia tidaklah bermakna kesemua pandangan yang dikemukakan itu adalah mutlak untuk diterima kesemuanya, kerana ia adalah bergantung kepada konteks perbincangan yang dilakukan. Hal ini yang membezakan konsep dialog dengan perkataan lain seperti diskusi dan debat, kerana matlamat dialog adalah untuk membina persefahaman dan mencari kebenaran antara kepelbagaian pandangan, dan proses dialog yang berlangsung disertai dengan rasa hormat dan sikap keterbukaan, sama ada dalam memberi atau menerima sesuatu pandangan.

## 2.0 KONSEP DIALOG MENURUT AL-QURAN

Perbincangan mengenai dialog antara agama dalam perspektif Islam dibincangkan secara meluas dalam kalangan para ulama dan ilmuwan Islam. Perbincangan yang dilakukan adalah berdasarkan kajian dan analisis mereka kepada kandungan teks al-Qur’an serta hadis. Asasnya, konseptualisasi dialog dalam perspektif Islam dapat dibahagikan kepada tiga sudut: pertama, dialog yang merujuk kepada perdebatan; kedua, dialog yang merujuk kepada dakwah; ketiga, dialog yang merujuk kepada pembinaan hubungan dan persefahaman yang baik. Berhubung dengan konsep pertama, istilah dialog (hiwar) melalui kata akarnya (hawara) yang mengandungi maksud perdebatan dapat disoroti dalam beberapa teks al-Qur’an dan hadis. Dalam al-Qur’an, terdapat tiga tempat yang menggunakan perkataan tersebut, iaitu:

- i. Perkataan *yuhāwiruhu* dalam ayat:

وَكَانَ لَهُ ثَمَرٌ فَقَالَ لِصَاحِبِهِ وَهُوَ يُحَاوِرُهُ أَنَا أَكْثَرُ مِنْكَ مَالًا وَأَعَزُّ نَفَرًا

Maksudnya:

*“Tuan kebun itu pula ada mempunyai harta (yang lain); lalu berkatalah ia kepada rakannya, semasa ia berbincang dengannya: “Aku lebih banyak harta daripadamu, dan lebih berpengaruh dengan pengikut-pengikutku yang ramai”. (Surah al-Kahfi 18: 34)*

- ii. Perkataan *yuhāwiruhu* pada ayat ke-37 dalam surah yang sama, firman Allah s.w.t.:

قَالَ لَهُ صَاحِبُهُ وَهُوَ يُحَاوِرُهُ أَكَفَرْتَ بِالَّذِي خَلَقَكَ مِنْ تُرَابٍ ثُمَّ مِنْ نُطْفَةٍ ثُمَّ  
سَوَّاكَ رَجُلًا

Maksudnya:

“Berkatalah rakannya kepadanya, semasa ia berbincang dengannya: “Patutkah engkau kufur ingkar kepada Allah yang menciptakan engkau dari tanah, kemudian dari air benih, kemudian ia membentukmu dengan sempurna sebagai seorang lelaki?” (Surah al-Kahfi 18:37)

- iii. Perkataan *tahāwurakumā* dalam ayat:

قَدْ سَمِعَ اللَّهُ قَوْلَ الَّتِي تُجَادِلُكَ فِي زَوْجِهَا وَتَشْتَكِي إِلَى اللَّهِ وَاللَّهُ يَسْمَعُ تَحَاوُرَكُمَا إِنَّ  
اللَّهَ سَمِيعٌ بَصِيرٌ

Maksudnya:

“Sesungguhnya Allah telah mendengar (dan memperkenalkan) aduan perempuan yang bersoal jawab denganmu (Wahai Muhammad) mengenai suaminya, sambil ia berdoa merayu kepada Allah (mengenai perkara yang menyusahkannya), sedang Allah sedia mendengar perbincangan kamu berdua. Sesungguhnya Allah Maha Mendengar, lagi Maha Melihat.” (Surah Al-Mujādilah 58:1).

Para ilmuwan tafsir membahaskan pengertian terhadap ketiga-tiga perkataan dialog (*hiwār*) dalam ayat-ayat tersebut, berdasarkan kepada kedudukan ayat. Perkataan *yuhāwiruhu* pada ayat yang pertama (Surah al-Kahfi 18: 34) dimaknakan Imam Ibn Kathīr (m. 774H) sebagai perdebatan dan perbantahan lantaran kewujudan perasaan bangga dan mempunyai kelebihan atas apa yang dimilikinya, manakala pada ayat yang kedua (Surah al-Kahfi 18: 37), perkataan *yuhāwiruhu* merujuk kepada peringatan dan nasihat seorang lelaki kepada sahabatnya yang berada dalam kekufuran dan kelalaian (Ibn Kathīr 2000, 9:136). Walau bagaimanapun, Imam al-Ṭabarī (m. 310 H) pada ayat kedua menjelaskan, perkataan *yuhāwiruhu* di sini memberi makna percakapan antara seseorang kepada rakannya dengan maksud angkuh atas keberadaan harta yang dimilikinya berbanding dengan rakannya yang tidak mempunyai harta (al-Ṭabarī 2001, 15: 261-263). Manakala pada perkataan *tahāwurakumā* pada ayat ketiga, Imam Ibn Kathīr (2000, 9:137) dan Imam al-Ṭabarī (2001, 22:447), sependapat bahawa ayat ini merujuk kepada dialog antara Rasulullah s.a.w. dengan Khawlah binti Tha‘labah mengenai permasalahan hukum zihar. Ketiga-tiga perkataan dialog (*hiwār*) berdasarkan ayat-ayat dapat pada ayat-ayat di atas secara umumnya merujuk kepada pertukaran perkataan atau komunikasi antara dua pihak/kumpulan yang berlainan. Namun secara khusus, istilah dialog (*hiwār*) adakalanya membawa maksud perdebatan dan pertengkaran, dan adakalanya merujuk kepada perbualan atau perkataan yang baik. Oleh yang demikian, konotasi dialog (*hiwār*) dalam al-Qur’an secara literal membawa maksud umum kepada sesebuah komunikasi sama ada berbentuk positif atau negatif.

### 3.0 KONSEP DIALOG MENURUT HADIS

Sementara itu dalam hadis, penggunaan istilah dialog (*hiwār*) secara literal tidak jauh daripada konsep yang diberikan oleh al-Qur’an. Umpamanya perkataan dialog (*hiwār*) juga digunakan untuk merujuk kepada perdebatan dan perbantahan sebagaimana yang dicatatkan dalam sebuah hadis yang diriwayatkan oleh Abi Darda’ r.a:

كانت بين أبي بكر وعمر محاورة ، فأغضب أبو بكر عمر ، فانصرف عنه  
عمر مغضبا

“Sesungguhnya telah berlaku perdebatan (*muḥāwarah*) antara Abu Bakar dan Umar, maka Abu Bakar telah memarahi Umar lalu beredarlah Umar daripadanya dengan perasaan marah.”

Maksud hadis di atas jelas menunjukkan bahawa perkataan *muḥāwarah* di atas tidak merujuk kepada dialog, tetapi membawa maksud kepada perdebatan, perbalahan atau pertengkaran. Ini kerana *muḥāwarah* yang berlaku antara Abu Bakar dan Umar, disusuli dengan tindakan marah antara kedua-dua pihak. Justeru, perkataan *muḥāwarah* di sini tidak sesuai untuk dimaknakan sebagai dialog kerana dialog lebih bersifat positif dan berlangsung dengan baik. Walaupun demikian, gambaran dari hadis di atas menunjukkan berlakunya proses interaksi dan komunikasi antara dua pihak, iaitu antara Abu Bakar dan Umar walaupun interaksi tersebut adalah berbentuk perdebatan. Berdasarkan hadis ini Al-Kirmani (1981: 117-118) menjelaskan, pertengkaran yang berlaku menyebabkan kedua-duanya saling meninggalkan antara satu sama lain.

#### 4.0 ANALISIS DAN PERBINCANGAN

Asasnya perkataan dialog (*ḥiwar*) dalam al-Qur'an dan hadis secara umumnya membawa maksud interaksi atau perbualan antara dua pihak yang berlainan pandangan. Ia bagaimanapun tidak terhad kepada perbualan semata-mata, akan tetapi turut mengandungi maksud perdebatan. Hal ini mungkin ada benarnya kerana Muhammad Sayyid Tantawi (1997: 4) membariskan maksud perdebatan (*al-mujādalah*) dan dialog (*al-muḥāwarah*), di mana kedua-duanya membawa maksud 'menundukkan dan mengalahkan musuh melalui penegakan hujah serta bukti-bukti yang kukuh'. Walau bagaimanapun, penggunaan dialog untuk tujuan perdebatan kurang menepati tujuan dialog yang sebenar, kerana konotasi dialog adalah berbeza dengan debat atau perkataan-perkataan lain (Ahmad Zamri 1994: 19-20; Abdullah Mujan 2006: 17). Ini kerana dialog hanya mengandungi unsur positif dan tidak bertujuan untuk memenangkan pandangan peribadi ke atas pihak yang lain seperti yang berlaku dalam sesebuah perdebatan atau pertengkaran. Sekalipun pengistilahan perkataan tersebut dalam al-Qur'an dan hadis merujuk kepada perdebatan, ia tidak semestinya merujuk kepada perdebatan yang bersifat negatif. Justeru Al-Zayn (2005: 347) dalam membincangkan penggunaan istilah dialog (*ḥiwar*) dalam al-Qur'an menyifatkan, maksud perdebatan dalam konteks ayat al-Qur'an tersebut secara khusus merujuk kepada perdebatan dengan cara yang baik. Hal ini juga selaras dengan firman Allah s.w.t:

أَدْعُ إِلَى سَبِيلِ رَبِّكَ بِالْحُجَّةِ وَالْمَوْعِظَةِ الْحَسَنَةِ وَجَادِلْهُمْ بِالَّتِي هِيَ أَحْسَنُ إِنَّ رَبَّكَ هُوَ أَعْلَمُ بِمَنْ ضَلَّ عَنْ سَبِيلِهِ وَهُوَ أَعْلَمُ بِالْمُهْتَدِينَ

Maksudnya:

".. dan berbahaslah (berdebatlah) dengan mereka (yang engkau serukan itu) dengan cara yang lebih baik..." (Surah al-Nahl 16: 125)

Dalam membezakan antara dialog dan perdebatan, Shehu (2008: 103) menjelaskan, perdebatan atau *al-jidāl* adalah merujuk kepada perbantahan terhadap perkara yang benar dan yang salah. Selain itu, ia juga digunakan dalam 'bahasa undang-undang' dalam membuktikan hujah yang paling kukuh dan baik. Bagaimanapun, penggunaan istilah *al-jidāl* juga bergantung kepada posisi yang diduduki; jika perdebatan tersebut adalah berada di pihak yang benar maka ia dipuji manakala sebaliknya dikecam. Justeru, konsep debat (*al-jidāl*) berada di bawah tema '*quarrelling dialogue*' secara umum, dan adakalanya membawa kepada matlamat yang sama dengan dialog antara agama. Al-Qasim (1994: 104-106) menjelaskan, pada asasnya, dialog (*al-ḥiwar*) berkongsi makna dengan perdebatan (*al-mujādalah*) iaitu mengembalikan percakapan antara dua pihak. Adapun yang membezakan antara keduanya adalah, perdebatan disertai dengan kekuatan untuk mengalahkan dan pertengkaran. Asal kepada perkataan *al-jidāl* adalah bersangatan dan mengalahkan, dan ia membawa maksud yang sama dengan perkataan *al-munāzarah* dan *al-mukhāsamah*, kerana keduanya disertai dengan kekuatan dalam perkataan dan berhujah. Perkataan *al-mujādalah* secara istilah merujuk kepada seseorang yang mempertahankan hujahnya dari dikalahkan dengan hujah atau keraguan, atau bertujuan membenarkan perkataannya ketika dia berhujah tentang kebenaran. Dalam al-Qur'an, perkataan *al-jidāl* disebut pada dua puluh sembilan tempat yang kebanyakannya



membawa maksud yang tercela, melainkan tiga tempat, yaitu dalam Surah al-Nahl ayat 125, al-Ankabut ayat 46, dan al-Mujadilah ayat 1.

Selari dengan pandangan di atas, al-Qasim (1994: 104-106), al-Mujan (2006: 26-27) dan al-Ḥamd (1996: 67-68) berkongsi pandangan bahawa, perkataan dialog dan debat bertemu maksud pada pertemuan, perbincangan dan percakapan antara dua pihak, ada pun perbezaan antara keduanya adalah sifat kepada percakapan tersebut, iaitu dialog bermaksud mengembalikan percakapan antara dua pihak tanpa keperluan untuk bertengkar, manakala debat adalah angkuh dan taasub dengan pandangan sendiri. Demikian juga menurut Abdullah (2007: 321-322), dialog adalah saling mengembalikan percakapan antara dua pihak yang berdialog tanpa wujud unsur perbantahan dan tidak bermaksud untuk memenangkan pandangannya ke atas pandangan yang lain. Justeru, dialog adalah suatu perbualan antara dua pihak atau lebih bagi menyampaikan pandangan mereka. Dialog disertai oleh sikap keterbukaan dan kesediaan untuk mendengar pandangan pihak lain biarpun wujudnya perbezaan antara pandangan dalam topik yang dibincangkan. Ia berbeza dengan perdebatan yang lazimnya berpegang kepada pandangan peribadi dan disertai dengan sikap taasub terhadap apa yang dipegang. Oleh yang demikian, pengistilahan dialog yang merujuk kepada perdebatan, dilihat kurang sesuai untuk menggunakan perkataan *al-ḥiwār*, berbanding dengan perkataan *al-qawl* yang mengandungi maksud yang lebih umum.

Turut menyokong kenyataan di atas adalah Sayyid Tantawi (1997: 3-4) melalui pemaknaan dialog dengan lebih meluas dengan menyandarkan kepada perkataan *al-qawl* yang kata akarnya *qāla – yaqūlu – qul – qūlū – yaqūlūna – qālū*, iaitu merujuk kepada dialog, percakapan, perdebatan, dan diskusi yang dilakukan manusia dalam masalah-masalah tertentu. Signifikannya, penggunaan istilah *al-qawl* lebih banyak terdapat dalam al-Qur'an sehingga dicatatkan lebih dari 1700 kali lafaz-lafaz ini diungkapkan, berbanding dengan perkataan *ḥiwār*. Selain itu, terdapat ungkapan-ungkapan lain yang masih memberi maksud dialog seperti ungkapan-ungkapan berbentuk perintah iaitu *qul* (katakanlah), atau dalam bentuk seruan: *yā ayyuhā ladhina āmanū* (wahai orang-orang yang beriman), *yā ayyuhan nās* (wahai manusia), *yā ayyuhan nabiyy* (wahai Nabi) (Ramli Awang 2008: iii). Justeru, perkara ini dapat dilihat menerusi pelbagai bentuk dialog yang ditonjolkan oleh al-Qur'an, antaranya, dialog manusia dengan makhluk lain, dialog tentang kemanusiaan secara umum, dialog antara Allah terhadap Iblis, perkataan antara Allah dengan para Nabi, dialog Allah dengan para Malaikat, dan dialog antara ahli neraka.

Berhubung dengan konsep kedua, iaitu dialog adalah merujuk kepada dakwah, khususnya apabila ia melibatkan interaksi dengan penganut agama lain. Dalam istilah lain ia disebut sebagai dialog antara agama. Perbincangan mengenai dialog dan dakwah dibincangkan secara meluas di kalangan ilmuwan Islam menerusi bentuk dialog yang terdapat dalam al-Qur'an dan hadis, umpamanya dialog para Nabi dengan kaumnya yang musyrik dan dialog dengan Ahli Kitab (Al-Zayn 2005: 347-370; Tantawi 1997:4). Hal ini selaras dengan tujuan dialog itu sendiri adalah untuk menyampaikan ajaran Islam kepada seluruh umat manusia (Al-Qasim 1994: 112-127; Ahmad Zamri 1994:43; al-Syathari 2006: 15). Bahkan terdapat hubungan yang signifikan antara dialog dengan dakwah (Mohammad Said Mitwally Ibrahim 2010: 95). Sehubungan dengan itu, al-Qasim (1994: 112-127) membahagikan bentuk dialog kepada dua; Pertama, dialog yang disyariatkan, yang merujuk kepada dakwah, dan perlaksanaannya hendaklah berdasarkan aspek-aspek berikut: i), bertujuan mengajak kepada ajaran Islam; ii), bertujuan menerangkan kebatilan dan penyelewengan ajaran penganut agama lain; iii), bertujuan menolak keraguan penganut agama lain terhadap Islam; iv), bertujuan meneguhkan pendirian orang Mukmin; v), bertujuan menunjukkan baiknya syariat Islam. Adapun bentuk yang kedua adalah dialog yang tidak disyariatkan, adalah berasaskan tiga aspek: i) bertujuan mentaati dan mencintai penganut agama lain atas dasar pegangan; ii), bertujuan merapatkan agama; iii), bertujuan membenarkan amalan dakyah mereka ke atas orang lain. Pandangan al-Qasim ini dengan erti kata lain, mengklasifikasikan dialog yang disyariatkan kepada dakwah yang berobjektifkan mengajak kepada Islam semata-mata sementara selain daripada itu adalah tidak disyariatkan.

Walau bagaimanapun, Ataullah Siddiqui (1997: 70-75) lebih cenderung untuk tidak mengklasifikasikan antara dialog yang bersyariat atau tidak. Tanpa menafikan wujudnya hubungan yang signifikan antara dialog dengan dakwah, kedua-duanya berfungsi dalam membina persefahaman antara kumpulan. Dalam erti kata yang lain, dialog adalah merupakan sebahagian daripada dakwah, dan dakwah itu tidak semestinya menggunakan pendekatan dialog.

Perkara ini mempunyai asas yang kukuh jika melihat kepada banyaknya bentuk dialog dalam al-Qur'an yang memberi reaksi kepada isu kepercayaan dan agama (Abdullah 2007: 245) dengan tujuan dakwah. Menurut Muhammad Sayyid Tantawi (1997: 181), bentuk dialog yang diperlihatkan oleh al-Qur'an yang mengandungi maksud dakwah berlangsung dalam dua keadaan, sama ada untuk memuji kalangan Ahli Kitab yang beriman, atau untuk menampik mereka yang menyimpang. Hal ini dapat disoroti menerusi dialog para Rasul terhadap kaumnya yang menganut pelbagai anutan dalam ayat-ayat berikut:

i. Dialog dengan Ahli Kitab

قُلْ يَا أَهْلَ الْكِتَابِ تَعَالَوْا إِلَى كَلِمَةٍ سَوَاءٍ بَيْنَنَا وَبَيْنَكُمْ أَلَّا نَعْبُدَ إِلَّا اللَّهَ وَلَا نُشْرِكَ بِهِ شَيْئًا وَلَا يَتَّخِذَ بَعْضُنَا بَعْضًا أَرْبَابًا مِنْ دُونِ اللَّهِ فَإِنْ تَوَلَّوْا فَقُولُوا اشْهَدُوا بِأَنَّا مُسْلِمُونَ

Maksudnya:

"Katakanlah (Wahai Muhammad): "Wahai ahli kitab, marilah kepada satu kalimah yang bersamaan antara kami dengan kamu, iaitu kita semua tidak menyembah melainkan Allah, dan kita tidak sekutukan dengannya sesuatu jua pun; dan jangan pula sebahagian dari kita mengambil akan sebahagian yang lain untuk dijadikan orang-orang yang dipuja dan didewakan selain dari Allah". Kemudian jika mereka (Ahli Kitab itu) berpaling (enggan menerimanya) maka Katakanlah kepada mereka: "Saksikanlah kamu bahawa Sesungguhnya Kami adalah orang-orang Islam". (Surah Aali 'Imran 3: 64)

ii. Dialog dengan penganut agama musyrik

وَلَقَدْ أَرْسَلْنَا نُوحًا إِلَى قَوْمِهِ إِنِّي لَكُمْ نَذِيرٌ مُبِينٌ ٢٥ أَنْ لَا تَعْبُدُوا إِلَّا اللَّهَ إِنِّي أَخَافُ عَلَيْكُمْ عَذَابَ يَوْمٍ أَلِيمٍ ٢٦ فَقَالَ الْمَلَأُ الَّذِينَ كَفَرُوا مِنْ قَوْمِهِ مَا نَرَاكَ إِلَّا بَشَرًا مِثْلَنَا وَمَا نَرَاكَ اتَّبَعَكَ إِلَّا الَّذِينَ هُمْ أَرَادُوا بِادِّئِ الرَّأْيِ وَمَا نَرَى لَكُمْ عَلَيْنَا مِنْ فَضْلٍ بَلْ نَظُنُّكُمْ كَاذِبِينَ ٢٧ قَالَ يَقَوْمِ أَرَأَيْتُمْ إِنْ كُنْتُ عَلَىٰ بَيِّنَةٍ مِنْ رَبِّي وَءَاتَانِي رَحْمَةً مِنْ عِنْدِهِ فَغَمِمْتُ عَلَيْكُمْ أَنْ لَزِمُكُمْ هَا وَآنْتُمْ لَهَا كَرِهُونَ ٢٨ وَيَقَوْمِ لَا أَسْأَلُكُمْ عَلَيْهِ مَا لَآ أَنْ أَجْرِي إِلَّا عَلَى اللَّهِ وَمَا أَنَا بِطَارِدِ الَّذِينَ ءَامَنُوا إِنَّهُمْ مُلْفُونَ رَبِّهِمْ وَلَكِنِّي أَرَاكُمْ قَوْمًا تَجْهَلُونَ ٢٩

Maksudnya:

"Dan demi sesungguhnya! Kami telah utuskan Nabi Nuh lalu ia memberitahu kaumnya dengan berkata: "Sesungguhnya aku ini seorang Rasul pemberi amaran yang nyata kepada kamu "Iaitu janganlah kamu menyembah melainkan Allah; Sesungguhnya aku bimbang (jika kamu menyembah yang lainnya), kamu akan ditimpa azab yang tidak terperi sakitnya pada hari pembalasan". Maka berkatalah ketua-ketua yang kafir dari kaumnya: "Kami tidak memandangnya (Wahai Nuh) melainkan sebagai seorang manusia seperti kami; dan kami tidak nampak golongan yang mengikutmu melainkan orang-orang kami yang miskin hina, lagi berfikiran singkat; dan kami juga tidak memandang kamu (semua) mempunyai sebarang kelebihan yang mengatasi kami, bahkan kami menganggap kamu orang-orang pendusta". Nabi Nuh berkata: "Wahai kaumku! jika keadaanku berdasarkan bukti yang nyata dari Tuhanku, serta ia mengurniakan pangkat Nabi kepadaku dari sisi-Nya, kemudian bukti yang nyata itu

menjadi kabur pada pandangan kamu (disebabkan keingkaran kamu yang telah sebat), maka adakah kamu nampak ada gunanya kami memaksa kamu menerima bukti itu sedang kamu tidak suka kepadanya? Dan (ketahuilah) wahai kaumku! Aku tidak meminta kepada kamu sebarang harta benda sebagai upah menyampaikan agama Allah itu, tiadalah aku harapkan upahku melainkan dari Allah semata-mata; dan aku tidak akan menghalau orang-orang yang beriman (sebagaimana yang kamu minta itu), kerana sesungguhnya mereka akan menemui Tuhan mereka (dan pada hari itu mereka akan menuntut dan menerima hak masing-masing); tetapi Aku nampak kamu semua, kaum yang tidak mengetahui apa yang mesti diketahui.” (Surah Hud 11: 25-29)

Demikian juga dalam konteks hadis yang menghubungkan dialog dengan dakwah. Perkara ini dapat disoroti dalam beberapa riwayat yang memerihalkan dialog antara Nabi s.a.w. dengan pelbagai penganut agama, sama ada dalam kalangan golongan musyrikin penyembah patung berhala, mahupun dalam kalangan Ahli Kitab yang terdiri daripada Yahudi dan Nasrani. Ini bermakna, dialog yang berlangsung tidak bersifat perbualan semata-mata, akan tetapi turut mengandungi maksud dakwah. Antaranya dalam sebuah hadis yang masyhur yang menceritakan dialog Nabi s.a.w. dengan raja Rom yang bernama Heraq (Hercules) dalam sepucuk surat, yang berbunyi:

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ مِنْ مُحَمَّدٍ عَبْدِ اللَّهِ وَرَسُولِهِ إِلَى هِرَقْلَ عَظِيمِ الرُّومِ سَلَامٌ عَلَى مَنْ اتَّبَعَ الْهُدَى أَمَّا بَعْدُ فَإِنِّي أَدْعُوكَ بِدَعَايَةِ الْإِسْلَامِ أَسْلِمْ تَسْلِمًا وَأَسْلِمِ يُؤْتِكَ اللَّهُ أَجْرَكَ مَرَّتَيْنِ فَإِنْ تَوَلَّيْتَ فَعَلَيْكَ إِنَّهُمْ الْأَرِيسِيِّينَ وَ{ يَا أَهْلَ الْكِتَابِ تَعَالَوْا إِلَى كَلِمَةٍ سَوَاءٍ بَيْنَنَا وَبَيْنَكُمْ إِلَّا نَعْبُدَ إِلَّا اللَّهَ وَلَا نُشْرِكَ بِهِ شَيْئًا وَلَا يَتَّخِذَ بَعْضُنَا بَعْضًا أَرْبَابًا مِنْ دُونِ اللَّهِ فَإِنْ تَوَلَّوْا فَقُولُوا اشْهَدُوا بِأَنَّا مُسْلِمُونَ }

Maksudnya:

“Dengan menyebut nama Allah Yang Maha Pemurah lagi Maha Penyayang. Dari Muhammad utusan Allah untuk Heraq Romawi yang agung. Kesejahteraan ke atas siapa yang mengikuti petunjuk. Selain dari pada itu, sesungguhnya aku mengajak kamu untuk kepada seruan Islam. Masuklah kamu ke agama Islam maka kamu akan selamat dan peluklah agama Islam maka Allah memberikan pahala bagi kamu dua kali dan jika kamu berpaling maka kamu akan menanggung dosa orang-orang Romawi. “Katakanlah: Hai Ahli Kitab, marilah (berpegang) kepada suatu kalimat (ketetapan) yang tidak ada perselisihan antara kami dan kamu, bahawa tidak kita sembah kecuali Allah dan tidak kita persekutukan Dia dengan sesuatu pun dan tidak (pula) sebahagian kita menjadikan sebahagian yang lain sebagai tuhan selain Allah. Jika mereka berpaling maka katakanlah kepada mereka: “Saksikanlah, bahawa kami adalah orang-orang yang berserah diri (kepada Allah)”.

Dalam peristiwa yang lain, Rasulullah s.a.w. pernah didatangi seramai dua puluh orang lelaki Nasrani dari Habsyah bertujuan untuk berdialog dengan baginda s.a.w. Setelah selesai mereka berkata apa yang mereka kehendaki, Rasulullah s.a.w. pula menyampaikan kata-katanya berbentuk seruan kepada Islam dengan membacakan ayat-ayat al-Qur'an. Terkesan daripada apa yang disampaikan oleh Rasulullah s.a.w., kesemuanya memeluk ajaran Islam. Bahkan ketika peristiwa Hijrah ke Habsyah, sahabat Nabi s.a.w. yang bernama Ja'far bin Abi Talib berdialog dengan Raja Najasyi sehinggalah membawa kepada pengislamannya (Al-Qasim 1994: 113-114). Daripada perbincangan ini, konsep dialog dalam hadis secara asasnya adalah tidak jauh daripada apa yang dibincangkan dalam al-Qur'an, iaitu untuk menyampaikan, mempertahankan dan menerangkan ajaran Islam kepada penganut agama lain. ini kerana dakwah merupakan asas utama kepada umat Islam, justeru mereka dipertanggungjawabkan untuk melaksanakannya dalam konteks kehidupan.

Namun terdapat kalangan sarjana Islam yang membezakan konsep dakwah dengan dialog, ini kerana dakwah itu sering disalahertikan sebagai suatu usaha untuk menukarkan (conversion) dan mengubah kepercayaan pihak lain supaya menerima Islam. Implikasinya boleh menimbulkan rasa kurang senang antara penganut agama kerana terdapat unsur ancaman kepada pegangannya. Ini ditegaskan lagi oleh Seyed Hossein Nasr bahawa, kontradiksi yang wujud antara dialog dan dakwah disebabkan ia mengandungi kecenderungan idea untuk menukarkan semua pihak kepada



agamanya. Justeru, Nasr mencadangkan dialog dalam konteks dakwah perlu dilihat dalam skop yang lebih meluas dan bersifat sejagat (Ataullah Siddiqui 1997: 159-160). Bahkan dakwah itu sendiri pada dasarnya merujuk kepada ‘ajakan’ tanpa wujudnya unsur paksaan untuk ‘menukar’ kepercayaan pihak lain. Menekankan lagi kepada maksud dakwah yang bukan bersifat paksaan, Ismail al-Faruqi (1982: 33) menjelaskan:

*‘Calling’ is certainly not coercing. Allah s.w.t. has commanded ‘No coercion in religion (2: 256),’ It is an invitation whose objective can be fulfilled only with the free consent of the called. Since the objective is an exercise by the called of his own judgement that Allah is his Creator, Master Lord and Judge, a force judgement is a contradictio in adjecto and hence punishable with jahanam. Humanistic ethic regards coerced da‘wah as a grave violation of a human person, secondly only to homicide, of not equal to it. That is why the Holy Quran specified the means of persuasion to be used. “Argue the cause with them (the non-Muslim) with the more comely argument” (16:125). If they not conceived, they must be left alone.*

Kenyataan Profesor Pengajian Islam dari Universiti Temple di atas jelas menggambarkan bahawa dakwah bukanlah suatu yang bersifat paksaan. Ia hanyalah suatu bentuk seruan yang hanya boleh dilaksanakan dengan persetujuan. Justeru jika dakwah itu dilihat sebagai suatu bentuk paksaan, maka ia kurang tepat kerana paksaan itu lazimnya bercanggah dengan etika kemanusiaan. Justeru itu al-Qur’an menekankan kepada seruan dan ajakan kepada perkataan yang sama (common word). Sekiranya seruan itu tidak diterima, maka mereka perlu dibiarkan dengan pegangan mereka, tidak dengan usaha-usaha lain berkemungkinan dianggap sebagai suatu bentuk paksaan atau ancaman kepada pegangan mereka sekaligus semakin menjauhkan lagi mereka daripada Islam. Pandangan yang sama dinyatakan oleh Mamoud Ayoub, bahawa konsep dialog adalah lebih daripada menukarkan agama (conversion) seseorang, kerana ia menuntut kerjasama dalam membina persamaan persefahaman yang lebih baik, dan pada masa sama masing-masing mengekalkan ciri keagamaan (Charles D. Fletcher 2008: 295). Menjelaskan lagi hal ini, Ataullah Siddiqui (1997) antara lainnya menyebut:

*Let us be very clear that da‘wah is about ‘communication’ and ‘invitation’ to Islam and not about conversion. Dialogue, on the other hand, is about talking with, and not simply talking about, people of other faiths, beliefs and persuasions. The reality is that the differences of religions are the plan of God, and it is going to remain so forever. The human burden is to connect with the others in dignity and with respect.*

Perbincangan terhadap konsep dialog di atas membawa kepada konseptualisasi yang ketiga, iaitu dialog adalah merujuk kepada pembinaan hubungan dan persefahaman yang baik. Dengan erti kata lain, dialog yang dilakukan adalah jauh daripada perdebatan yang dilihat bertentangan dengan fitrah dialog yang lebih bersifat perbualan dan perbincangan dalam suasana yang kondusif. Dialog juga bukan dakwah (Ghazali Basri 2009: 6-7), jika ia bersifat eksklusif kepada ajakan untuk menukar penganut agama lain. Justeru, pemahaman yang diterima terhadap maksud dialog menjurus kepada perkongsian nilai-nilai murni dan aspek persamaan dalam kalangan penganut agama. Sehubungan dengan itu, Ataullah Siddiqui (1997: 57), turut merangkumkan maksud komunikasi dengan penganut agama dan komuniti lain dalam membina persefahaman yang lebih baik, mengurangkan kawasan konflik seterusnya membina hubungan yang baik. Pemaknaan ini dilihat lebih harmoni dalam menjelaskan maksud dialog antara agama itu sendiri dan ia lebih dekat dengan konsep dakwah dengan hikmah dan yang terbaik (*bil al-hikmah wa al-aḥsan*) .

Dalam pengertian yang hampir sama, Ramli Awang (2008: 54) berpendapat bahawa dialog antara agama adalah proses awal dari komunikasi langsung antara tokoh-tokoh agama bertujuan membangun masa depan yang damai dan harmoni, melalui komitmen yang tinggi dan sikap saling menghargai atas kepelbagaian agama. Pandangan Ramli Awang ini tidak jauh dari apa yang dinyatakan oleh Kamar Oniah Kamaruzaman (2010: 129) iaitu:

*Interfaith dialogue is the discursive part where the dialogue partners and all participants will be discussing about the stance or position of their religion vis-à-vis certain issues.*

Berdasarkan perbincangan di atas, konotasi dialog antara agama dalam Islam, mengandung maksud yang lebih meluas serta matlamat yang lebih besar dalam menghubungkan manusia. Justeru dalam dialog, proses komunikasi antara komuniti pelbagai agama dapat membina persefahaman berasaskan pandangan yang wujud antara mereka. Dalam hal ini, penting bagi pihak yang terlibat mengambil kira kepentingan bersama, dan dialog dilakukan menerusi perundingan dan persetujuan. Jika wujud perkara yang tidak dapat disepakati, hendaklah ditangani dengan sikap berlapang dada dan saling hormat menghormati antara satu sama lain. Hal ini kerana, dalam perkongsian pandangan dan maklumat, setiap pihak pasti ada sandarannya yang tersendiri. Pihak yang berdialog adalah bebas untuk bersetuju atau tidak bersetuju dengan rakan dialog, lebih-lebih lagi jika topik dialog berkisar dalam aspek teologi yang kebanyakannya lebih banyak memberi natijah tidak bersetuju berbanding bersetuju. Dasarnya bukanlah sebanyak mana perkara yang diterima atau ditolak dalam kalangan rakan dialog, tetapi adalah dengan mengetahui apa dan mengapa mereka bersetuju dan tidak bersetuju. Melalui ‘bersetuju untuk bersetuju’ atau ‘bersetuju untuk tidak bersetuju’ inilah dapat membina persefahaman kalangan pendialog, sekali gus melahirkan rasa hormat, serta empati yang tinggi dalam kalangan mereka.

## 5.0 RUMUSAN

Berdasarkan perbincangan di atas, terdapat tiga konsep dialog dalam mandala Islam. Ketiga-tiga konsep adalah dibuat berdasarkan perbincangan dalam kalangan ilmuwan Islam, berdasarkan inti pati kandungan teks al-Qur'an dan hadis. Pandangan pertama adalah melihat dialog adalah merupakan suatu bentuk perdebatan. Hal ini adalah berdasarkan konotasi perkataan *al-hiwar* dalam bahasa Arab yang digunakan dalam konteks ayat yang menunjukkan perdebatan. Walau bagaimanapun, pemaknaan dialog sebagai debat adalah merujuk kepada penggunaan perkataan tersebut dalam konteks literal, dan tidak merujuk kepada konsep sebenar dialog. Ini kerana maksud kepada perdebatan adalah perdebatan yang berlangsung dalam keadaan yang baik, dengan erti kata lain tidak boleh dipisahkan dengan elemen *bil ahsan*, iaitu dengan sebaik-baik pendekatan. Justeru dialog yang merujuk kepada tindakan untuk memenangkan hujah ke atas hujah lawan semata-mata tanpa disertai dengan hikmah dan cara yang baik adalah menyalahi konsep dialog yang digariskan oleh al-Qur'an.

Manakala pandangan kedua, Islam menekankan kepada dakwah. Justeru konsep dialog merupakan sebahagian darinya. Namun wujud kekeliruan dalam kalangan sebahagian umat Islam yang menganggap dakwah dalam dialog adalah semata-mata untuk menukarkan kepercayaan (*convert*) penganut agama lain kepada Islam. Hal ini menyebabkan konotasi dakwah itu dilihat dalam sudut yang sempit dan bersifat paksaan, walhal al-Qur'an mengajarkan dakwah sebagai suatu bentuk seruan kepada Islam tanpa wujudnya unsur paksaan. Sehubungan dengan itu, maksud dakwah itu perlu dilihat dalam konotasi yang lebih meluas dengan tidak hanya merujuk kepada seruan untuk memeluk Islam semata-mata, kerana adakalanya ia mampu mengundang perasaan kurang senang dalam kalangan sebahagian penganut agama lain, selain timbulnya persepsi dakwah dalam dialog adalah merupakan suatu bentuk paksaan. Ini bukanlah sekali-kali menafikan tujuan dakwah akhirnya supaya masyarakat bukan Islam menerima Islam sebagaimana yang dituntut oleh al-Quran dan hadis, kerana ada dimensi lain yang perlu diperhatikan, lebih-lebih lagi jika dalam konteks masyarakat yang menghidap *islamophobia* sudah pasti sebarang usaha untuk menyampaikan sebarang mesej yang mengandungi perkataan ‘Islam’ mengundang ancaman atau menjauhkan lagi mereka daripada Islam. Demikian juga dalam kalangan sasaran yang kekurangan ilmu pengetahuan dan kesalahfahaman terhadap Islam itu sendiri. Justeru, konotasi dakwah juga boleh dilakukan dalam bentuk penzahiran akhlak yang baik atau dengan kata lain dakwah *bi al-hal*. Berpasak dari sinilah yang membawa kepada konseptualisasi dialog ketiga, iaitu konsep dialog adalah merujuk kepada pembinaan persefahaman dan hubungan yang baik antara penganut agama. Dalam pembinaan persefahaman dan hubungan yang baik antara penganut agama, dalam kalangan pendialog, khususnya orang awam akan berusaha untuk mengelakkan untuk membincangkan isu-

isu yang bersifat sensitif khususnya melibatkan soal teologi yang sensitif. Ini kerana, ia dianggap sebagai salah satu metode untuk menyebarkan ajaran agama kepada penganut agama lain dengan tujuan supaya mereka menukar kepercayaan mereka. Sebaliknya mereka akan menumpukan kepada isu-isu kebersamaan dan sejagat khususnya dalam berkongsi nilai-nilai murni yang terdapat dalam setiap agama. Adapun kalangan sarjana atau golongan yang berautoriti dalam ilmu perbandingan agama, maka adalah tidak menjadi masalah untuk mereka membincangkan isu-isu teologi melalui dialog yang sihat.

Ketiga-tiga konsep dialog yang dibahaskan oleh sarjana Islam adalah bergantung kepada konteks suasana dialog yang dijalankan. Dialog bermula dengan adanya pihak dari pelbagai agama bertemu dan berbincang mengenai sesuatu perkara untuk membina persefahaman yang lebih baik sama ada melibatkan aspek persamaan atau perbezaan. Dalam perspektif Islam, matlamat utama dialog tidak dapat dipisahkan dengan ajakan menyeru Islam secara sukarela, tanpa wujud sebarang unsur paksaan. Ini bermakna, untuk berdialog, perlunya persetujuan daripada pihak agama lain untuk menerima mesej Islam yang disampaikan. Jika penganut bukan Islam sejak dari awal telah cenderung untuk menolak atau tidak bersedia untuk membincangkannya, maka seruan tersebut harus diabaikan dengan memberi penekanan kepada aspek-aspek lain. Hal ini bagi membezakan konteks dakwah dalam dialog itu sebagai suatu yang bukan bersifat paksaan seperti mana yang disalahertikan oleh segelintir pihak.

Dengan erti kata yang lain, sekalipun menerima mesej Islam, namun setidak-tidaknya tanggungjawab untuk menyampaikan Islam sudah terlaksana. Penolakan penganut bukan Islam kepada mesej kebenaran agama Islam bagaimanapun tidak sewajarnya menjadi benteng untuk membina hubungan dan persefahaman yang baik dengan mereka. Ini kerana, Islam menyuruh umatnya untuk bersikap kasih sayang kepada seluruh manusia tanpa mengira warna, bangsa dan kulit. Justeru, pendekatan yang digunakan adalah dengan menumpukan dialog kepada isu-isu persamaan, khususnya dalam nilai murni dan sejagat yang terdapat pada setiap agama. Di sini juga perlu ditegaskan, perkongsian nilai-nilai murni yang wujud dalam setiap agama adalah berdasarkan prinsip agama masing-masing. Ini bermakna, tidak wujud unsur kompromi jika di sana wujudnya perbezaan. Ini adalah bagi membezakan konsep dialog antara agama dalam perspektif Islam itu daripada perspektif pluralisme agama yang memudahkan hampir keseluruhan sifat eksklusif agama dalam kalangan penganut agama.

## Rujukan

- Al-Qur'an. (2001). *Terjemahan al-Qur'an: Tafsir pimpinan Ar-Rahman kepada pengertian al-Qur'an*. Kuala Lumpur: Darul Fikir.
- Ahmad Zamri, Yahya bin Muhammad Hasan. (1994). *Al-Ḥiwār: Ādābuhu wa ḍawābituhu fī ḍaw' al-Kitāb wa al-Sunah*. Makkah: Dar al-Tarbiyyah wa al-Turath.
- Al-Faruqi, Ismail Raji. (1982). On the nature of Islamic da wah. Dlm. (pnyt.). *Christian Mission and Islamic Da'wah* (hlm. 33-51). Leicester: The Islamic Foundation.
- Ayoub, M. M. (2007). A Muslim view of Christianity: Essays on dialogue. Dlm. Omar, I. A. (pnyt.). *Faith meets faith*. New York: Orbis Books.
- Al-Zayn, Muhammad Bassam Rashdi. (1995). *Al-Mu'jam al-mufahris li ma'ānī al-Qur'ān al-'aẓīm*. Dimashq: Dār al-Fikr.
- Azizan Baharuddin. (2008). Peranan dialog peradaban di dalam wacana tamadun Malaysia. *Jurnal Peradaban*. 1 (1), 1-14.

- Al-Bukhari, Abi Abdullah Muhammad Ismail. (1979). *Al-Jami' al-ṣaḥīḥ*. Kaherah: Maktabah al-Salafiyyah.
- Collin Cobuild Advanced Dictionary*. (2009). London: Heinle Cengage Learning.
- Encyclopedia of Religions and Spiritual Developement*. (2006). Thousand Oaks: Sage Publication.
- Fletcher, C. D. (2008). *Isma'il Al-Faruqi (1921-1986) and inter-faith dialogue: The man, the scholar, the participant*. Thesis Doctor of Philosophy, The Institute of Islamic Studies, McGill University.
- Ghazali Basri. (2009). Inter-religious dialogue in Malaysia. Dlm. *Monograph series Centre for Civilisational Dialogue*. No. 9. Kuala Lumpur: Pusat Dialog Peradaban Universiti Malaya.
- al-Hamd, Muhammad Ibrahim. (1996). *Akhtā' fī adab al-muḥadathah wa al-mujālisah*. Riyadh: Dar Ibn Khuzaymah.
- Ibrahim, Mohammad Said Mitwally. (2010). Interfaith dialogue: A Muslim legal perspective on its validity, concept and practices. *INSIGHTS: Muslim non-Muslim relations* 3(1), 93-126.
- Kamar Oniah. (2010). *Religion and pluralistic co-existence: The muhibbah perspective*. Kuala Lumpur: IIUM Press.
- Kamus Dewan* (Edisi Keempat). (2005). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Al-Kirmani. (1981). *Ṣaḥīḥ Abī Abdullāh al-Bukhārī*. Bayrut: Dār Ihya' al-Turath al-'Arabi.
- Macmillan English dictionary Oxford*. (2002). Macmillan Education.
- Al-Mujan, Abdullah bin Ḥusayn. (2006). *Al-Ḥiwar fī Al-Islām*. Makkah: Markaz al-Kawn.
- Muhammad Shafiq & Mohammed Abu Nimer (2007). *Interfaith dialogue: a guide for Muslims*. Herandon: The International Institute of Islamic Thought.
- Oxford Advanced Learner's Dictionary* (7th ed.). (2008). Oxford: University Press.
- Al-Qāḍī, Aḥmad b. 'Abdul Rahmān b. 'Uthman. (T.th.). *Da'wah al-taqrīb bayn al-adyān: Dirāsah naqdiyyah fīdū' al-'aqīdah al-Islāmiyyah* (Jil. 1). T.tp.: Dār Ibn Jawzī.
- Al-Qasim, Khalid b. Abdullah. (1994). *Al-Ḥiwar ma'a ahl-Kitab: Ususuhu wa manahijuhu fī al-Kitab wa al-Sunnah*. Riyadh: Dar al-Muslim
- Ramli Awang. (2008). *Dialog antara agama menurut perspektif al-Quran*. Skudai: Universiti Teknologi Malaysia Press.
- Rohi Ba'albaki. (1995). *Al-Mawrid*. Bayrūt: Dār al-'Ilm lil al-Malāyīn.
- Ṣaliḥ, 'Abdullāh 'Alī Muḥammad. (2007). *Al-Hiwar al-dīnī al-Ibrāhīmī fī mīzān Al-Quran*. Kaherah: Dār al-Salam

- Al-Samak, Muḥammad. (1998). *Muqaddimah ilā al-ḥiwār al-Islāmi - al-Masīḥiyyah*. Bayrut: Dār al-Nafā'is.
- Al-Syathari, Sa'id bin Nasir. (2006). *Adab al-ḥiwār fī Islām*. Riyadh: Dār Kanz Isybilia.
- Shahin, Saifuddin Husayn. (1996). *Adab al-ḥiwār fī Islām*. Riyadh: Dār al-Ufuq.
- Siddiqui, Ataullah. (1997). *Christian - Muslim dialogue in the twentieth century*. London: Macmillan Press LTD.
- \_\_\_\_\_. *The purpose of interfaith dialogue*. <http://www.mihe.org.uk/the-purpose-of-interfaith-dialogue>. Dilawati pada at 09 December 2013.
- Al-Suyutī, Jalaluddin. (2003). *Al-Dūr al-manthūr fī al-tafsīr bi al-ma'thūr*. Kaherah: Markaz Hijr li al-Buḥuth wa al-Dirāsāt al-'Arabiyyah wa al-Islāmiyyah.
- Shehu, Fatmir. Mehdi. (2008). *Nostra Aetate and the Islamic perspective of inter-religious dialogue*. Kuala Lumpur: International Islamic University Malaysia.
- Swidler, L. (1984). The dialogue decalogue: Ground rules for interreligious dialogue. *Inter-Religio*. 5 (Spring), 30-33.
- al-Ṭabari, Abi Jafar Muhammad bin Jarir. (2001). *Tafsīr al-Ṭabari: Jāmi' al-bayān 'an ta'wīl āyat al-Qur'ān*. Kaherah: Dar Hijr.
- Al-Tantawi, Muhammad Sayyid. (1997). *Adab al-ḥiwār fī Islām*. Kaherah: Dār al-Nahḍ Miṣr.
- Urbano, R. C. (2012). Levinas and interfaith dialogue. *The Heythrop Journal*. 3, 148-161.
- Al-Zayn, Muhammad Bassam Rashdi. 1995. *Al-Mu'jam Al-mufahris li ma'ānī Al-Qur'ān Al-'adhīm*. Dimashq: Dār al-Fikr.